

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 13.02.2025 MASA: 10.00AM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PROJEK NAIK TARAF  
GELANGGANG SERBA GUNA (HARDCOURT) DAN  
TEMPAT LETAK KERETA (TLK) AWAM DI LEBUH  
KAMPUNG BENGGALI, BUTTERWORTH**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**15 FEBRUARI 2025 (SABTU)  
10:00 PAGI**

**BUTTERWORTH DIGITAL LIBRARY, BUTTERWORTH  
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera serta Salam MADANI,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh bersejarah ini dalam **Majlis Perasmian Projek Naik Taraf Gelanggang Serba Guna (*Hardcourt*) Dan Tempat Letak Kereta (TLK) Awam Di Lebuh Kampung Benggali, Butterworth.**
2. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, atas kesudian Yang Amat Berhormat meluangkan masa bagi merasmikan gelanggang serba guna ini. Kehadiran Yang Amat Berhormat amat bermakna dan menjadi suntikan semangat kepada seluruh warga Seberang Perai.
3. Tidak lupa juga, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini.
4. Projek Naik Taraf Gelanggang Serba Guna (*Hardcourt*) dan Tempat Letak Kereta (TLK) Awam di Lebuh Kampung Benggali ini telah siap dibina dengan kos keseluruhan berjumlah RM381,000.00 yang dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Kerja-

kerja naik taraf ini telah dimulakan pada 15 Februari 2024 dan berjaya disiapkan sepenuhnya pada 9 Ogos 2024.

5. Gelanggang yang berkeluasan 1,465 meter persegi ini telah dinaik taraf dengan beberapa komponen utama, termasuk:
  - a) Sebuah gelanggang pelbagai guna yang boleh digunakan untuk futsal, bola keranjang, sepak takraw dan bola tampar;
  - b) Tempat letak kereta dengan 32 petak keseluruhan, termasuk 31 petak untuk orang awam dan satu (1) lot khas untuk Orang Kurang Upaya (OKU);
  - c) Elemen *softscape* yang merangkumi penanaman pokok dan rumput di sekitar gelanggang; dan
  - d) Laluan pejalan kaki yang mesra pengguna.
6. Projek ini lahir daripada sesi libat urus bersama komuniti yang diadakan oleh pihak MBSP pada 28 Mac 2021, dengan penyertaan seramai 325 orang daripada komuniti sekitar. Hasil analisis menunjukkan bahawa 81% orang bersetuju dengan cadangan untuk menggariskan tempat letak kereta di sebahagian kawasan Gelanggang Serba Guna Lebuh Kampung Benggali, sementara sebahagian lagi dikekalkan sebagai kegunaan asal.
7. Majlis Pengumuman Naik Taraf Gelanggang Serba Guna (*Harcourt*) Lebuh Kampung Benggali ini telah diadakan pada 15 Jun 2023 dan

telah disempurnakan oleh Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengurus Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa.

8. MBSP sentiasa komited dalam menyediakan kemudahan awam yang berkualiti serta mesra rakyat. Projek naik taraf ini adalah bukti komitmen MBSP dalam memperkasa pembangunan infrastruktur untuk kesejahteraan komuniti setempat.
9. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menyokong segala usaha MBSP serta semua pihak yang telah bekerjasama dalam menjayakan projek ini. Semoga kemudahan ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat dan menjadi pemangkin kepada gaya hidup yang lebih sihat dan harmoni.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***